

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

► Shah Alam

Universiti Teknologi MARA (UiTM) muncul juara keseluruhan kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 apabila merangkul 64 pingat emas, 44 perak dan 34 gangsa.

Juara edisi sulung SUKIPT 2012, Universiti Putra Malaysia (UPM) terpaksa berpuas hati menduduki tangga kedua dengan pencapaian 53 pingat emas, 31 perak dan 35 gangsa, diikuti Universiti Malaya (UM) di tempat ketiga selepas memungut 16 pingat emas, 11 perak dan 17 gangsa.

Sementara itu, atlet lompat jauh UiTM, Luqman Hakim Ramlan, 19, serta perenang wanita elit kebangsaan, Khoo Cai Lin, 25, masing-masing dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati SUKIPT 2014.

Mencipta kejutan

Luqman Hakim mencipta kejutan memenangi pingat emas dengan melakukan lompatan sejauh 7.53 meter (m), sekali gus memadamkan rekod lama kejohanan sejauh 7.08m.

Prestasi memberangsangkan itu turut melayakkan pelajar semeter dua Fakulti Sains Komputer dan Matematik berkenaan layak secara automatik menyertai Sukan Asia di Incheon, Korea Selatan, September depan.

Syarat kelayakan acara lompat jauh bagi temasya

sukan terbesar Asia itu ialah 7.52m.

Cai Lin yang juga penuntut jurusan komunikasi di Taylor's University pula merangkul enam pingat emas, termasuk acara 200m kuak dada dengan catatan masa 3:04.72 saat (s), secara langsung memperbaharui rekod kejohanan 3:07.05s.

Menepati ramalan

Perenang itu turut menepati ramalan untuk acara 400m gaya bebas apabila mengondol emas dengan catatan masa 4:31.67s, di samping unggul dalam cabaran 800m gaya bebas, 400m rampaian individu, 100m kuak dada dan 1,500m gaya bebas.

Bagaimanapun, bekas perenang Olimpik 2008 dan 2012 itu hanya memperoleh

UiTM kuasai

SUKIPT 2014

Idris (tengah) merasmikan Majlis Penutup SUKIPT 2014.



Luqman Hakim (kanan) dan Cai Lin gembira masing-masing dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati SUKIPT 2014.

pingat perak dalam acara 50m kuak lentang dengan catatan masa 34.49s.

Kedua-dua atlet berkenaan menerima hadiah berupa pingat, trofi dan pakej per-

cutian ke Bali, Indonesia yang disampaikan oleh Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh, pada Majlis Penutup SUKIPT 2014 di UiTM di sini, baru-baru ini.

INFO

Pungutan Pingat SUKIPT 2014

Kontinjen	Emas	Perak	Gangsa
Universiti Teknologi MARA	64	44	34
Universiti Putra Malaysia	53	31	35
Universiti Malaya	16	11	17
Universiti Malaysia Perlis	15	6	8
Sunway University	11	7	4
Universiti Teknologi Malaysia	10	7	11
Universiti Sultan Zainal Abidin	6	10	5
Taylor's University	6	4	9
Universiti Sains Malaysia	5	9	12
Universiti Pendidikan Sultan Idris	5	7	13